

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

16. Statistik Pelaburan:

- (a) Nyatakan statistik terkini pelabur sedia ada dan kemasukan pelabur asing ke negeri Pulau Pinang sejak tahun 2018.
- (b) Adakah mana-mana syarikat pelabur yang ditutup terus ekoran bencana wabak COVID-19 yang melanda negara? Senaraikan yang masih beroperasi dan ditutup.
- (c) Bagaimanakah kawalan pendapatan dilakukan supaya tiada penutupan syarikat pelaburan tersebut?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Statistik terkini nilai pelaburan sedia ada dan kemasukan pelabur asing ke Pulau Pinang seperti yang direkodkan oleh MIDA sejak tahun 2018 keseluruhannya adalah berjumlah RM19.03 bilion.

Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Sehingga 31 Mac 2020, berdasarkan pemerhatian dan maklumat yang diperolehi oleh Invest Penang, tidak ada syarikat yang menutup secara kekal (*permanent closure*) akibat isu penularan wabak COVID-19.

Dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran bencana wabak COVID-19, hanya syarikat-syarikat dari industri kritikal boleh memohon untuk terus beroperasi. Senarai industri kritikal adalah ditentukan oleh Kerajaan

Persekutuan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Syarikat yang mahu beroperasi dalam tempoh PKP perlulah memohon dan mendapat surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Setakat 2 April 2020, hanya 636 syarikat industri yang dibenarkan oleh MITI untuk beroperasi di Pulau Pinang sepanjang tempoh PKP berlangsung.

- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang dengan dana berjumlah RM75 juta yang turut dinikmati oleh syarikat-syarikat khususnya syarikat usahawan mikro dan Perusahaan Kecil serta Sederhana (PKS) yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Bantuan-bantuan berkaitan secara langsung dengan sektor perusahaan adalah seperti berikut :-

- (i) Menyediakan Skim Peka PKS melalui PDC, iaitu satu skim pinjaman tanpa faedah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM30 juta daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ia diwujudkan di bawah pakej rangsangan ekonomi Negeri Pulau Pinang pasca PKP bertujuan menyediakan pinjaman modal pusingan secara cepat kepada IKS dan PKS yang terjejas teruk akibat PKP bagi memastikan kelangsungan perniagaan selepas tempoh kesukaran ini;
- (ii) Penangguhan tempoh pembayaran cukai petak atau cukai tanah daripada 31 Mei 2020 kepada 30 Ogos 2020; dan
- (iii) Penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman Skim Pinjaman Harapan dan Tabung Usahawan Tani selama tiga (3) bulan.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat berjumlah RM250 bilion untuk menangani impak pandemik COVID-19. Sejumlah RM4.5 bilion daripadanya dikhususkan bagi membantu PKS termasuk usahawan mikro. Sebagai tambahan, sejumlah RM10 bilion lagi diperuntukan bagi membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja dalam sektor ini terus mendapat pekerjaan.